



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 2 MAC 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	INDUSTRI KELULUT MAMPU CAPAI JUALAN RM3.03 BILION SETAHUN, NASIONAL, BH -16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	NELAYAN JATUH BOT DITEMUI LEMAS, LOKAL, HM -7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	KAMAL TAK MALU JUAL BUAH DI PASAR TANI, LOKAL, HM -6	LAIN-LAIN
4.	FARMER GETS HELP FROM GOOGLE, NEWS, NST -11	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Industri kelulut mampu capai jualan RM3.03 bilion setahun

**Kuala Nerus:** Ternakan kelulut di Malaysia berpotensi mencapai anggaran jualan maksimum RM3.03 bilion setahun jika industri itu terus dimajukan.

Pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Dr Nur Azura Sanusi, berkata jumlah itu berdasarkan anggaran pengambil madu kelulut oleh setiap rakyat Malaysia iaitu 330 gram setahun.

"Ketika ini, jumlah pasaran yang dicapai dalam industri kelulut negara hanya RM33.6 juta, sedangkan potensi pasaran yang boleh diteroka jauh lebih tinggi iaitu RM67.2 juta.

"Ini membuktikan industri kelulut di Malaysia sangat berpotensi dijadikan sebagai sumber pendapatan untuk meningkatkan

taraf sosioekonomi pengusahanya, sama ada secara kecil-kecilan atau komersial," katanya, baru-baru ini.

Nur Azura adalah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Penyediaan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 yang dilancarkan November tahun lalu untuk mengangkat industri kelulut sebagai sumber pendapatan baharu yang mampan dan kukuh.

Katanya, berdasarkan data Jabatan Pertanian pada 2017, pengeluaran madu kelulut di Malaysia adalah 134,244 kilogram (kg) dengan nilai jualan RM19.3 juta, manakala produk hiran seperti sabun dan krim kecantikan merekodkan nilai jualan RM143,000.

Bagaimanapun, Nur Azura berkata, jumlah pengeluaran itu masih sangat kecil berbanding per-

mintaan pasaran iaitu 802,962kg dengan nisbah hampir enam kali ganda.

"Bagi meningkatkan lagi pengeluaran madu kelulut, beberapa strategi dikenal pasti antaranya bantuan daripada jabatan dan agensi kerajaan kepada pengusaha, termasuk kursus dan bimbingan keusahawanan.

"Selain itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan pusat pengumpulan madu kelulut sebagai pusat sehenti yang menjadi rujukan dari segi piawaian, ketulenan dan pensijilan bagi memastikan semua pengusaha mematuhi spesifikasi yang sudah ditetapkan dan secara tidak langsung memberi keadilan kepada pengguna," katanya.

Menyentuh aktiviti pengeksportan madu kelulut, Nur Azura berkata, sehingga 2018, Malaysia



**Dr Nur Azura Sanusi**

mengeksport 100kg madu kelulut ke Jepun, 300kg ke Singapura dan 500kg lagi ke India, Taiwan dan China.

"Setakat tahun itu, tiada aktiviti import membabitkan madu kelulut di seluruh negara direkodkan," katanya.

Bagaimanapun, Nur Azura berkata, industri itu menghadapi beberapa cabaran dalam pasaran dunia antaranya disebabkan masih banyak negara belum dapat mengiktiraf madu kelulut sebagai satu daripada jenis madu mandangkan rasanya yang manis dan berbeza dengan madu lebah.

**BERNAMA**

# Nelayan jatuh bot ditemui lemas

**Dungun:** Nelayan yang dipercayai terjatuh dari bot di jeti pendaratan ikan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Dungun di sini, Khamis lalu ditemukan lemas, semalam.

Mayat Zaidi Abu Bakar, 39, ditemui terdampar di tepi pantai Kampung Tebing Tembah di sini, pada jam 7.30 pagi.

Mayat ditemui seorang pekerja kuari 15 kilometer dari lokasi kejadian.

Ibu mangsa, Zaiton Husin, 70, berkata, sebaik dimaklum mengenai penemuan mayat seorang lelaki, dia bersama suami dan anak-anak ke Bilik Forensik Hospital Dungun untuk membuat pengecaman.

Menurutnya, dia mengesahkan mayat ditemui anaknya berdasarkan parut di bahagian siku dan bahu akibat kemalangan.

# Kamal tak malu jual buah di pasar tani

**Sibuk** dengan dunia lakonan bukan penghalang buat dramatis terkenal, Kamal Bakar, 58, menjual buah-buahan di pasar tani.

Malah, status artis bukan faktor untuk dia 'malu' memanggil pelanggan untuk membeli hasil jualanannya.

Ia juga dianggap kelebihan buatnya untuk orang ramai berebut mendapatkan hasil jualanannya termasuk durian, rambutan, manggis, langsung, duku, pisang dan mangga.

Dia yang bergelar pelakon bersama isteri serta lima anaknya terbabit dalam filem dan drama mengakui teruja membabitkan diri dalam dunia perniagaan sepanjang musim buah.

Aktif sejak 1982 dengan lebih 100 drama dan filem termasuk menerusi arahan Datuk Yusuf Haslam dan Yusof Kelana menganggap ruang dan kesempatan tanpa penggambaran digunakannya untuk menjual buah-buahan sekitar Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Kuala Lumpur.



**KAMAL** (kanan) kini sara hidup dengan berniaga.

# Farmer gets help from Google

## KUALA SELANGOR

**W**HILE looking for an alternative source of income from his oil palm plantation, former oil and gas consultant-turned-farmer Hanifah Mokhtar decided to try his hand at growing rock melons at his farm in Batu 8, Ijok, Bestari Jaya.

Hansfarm owner Hanifah, 72, started cultivating rock melons as a hobby and planned to turn his village into a hub for rock melon farming.

"I am hoping to turn this place (Ijok) into a hub for rock melons, cultivated via fertigation and hydroponics systems," he said recently.

He said Ijok, a 45-minute drive from Kuala Lumpur, was the best location for rock melon lovers to get fresh fruit.

Learning from trial and error and Google, his rock melon farm has now taken over 1ha of his oil palm plantation.

Hanifah said he started farming using the fertigation method (fertiliser injection) in 2016 with chili. He later developed interest in rock melons, which he said were easier to harvest and maintain.

"For rock melons, you only have to wait 60 days to harvest the fruit. We can pro-

duce up to 10,000 rock melons," said Hanifah, who has cultivated 12,000 Sakata rock melon hybrids with seeds imported from Japan.

He said the Sakata rock melon hybrid yielded quality fruit as the plant was healthier, stronger and more resistant to pest and fungus.

Hanifah also dabbled in hydroponics farming with his friend, Mustaqim Qamaru Zaman, by setting up another farm in the same area called HMA Hydrofarm.

"With this method, we can increase the harvest cycle to five times a year compared with fertigation, which only allows four cycles," said Mustaqim.

He said the hydroponics system required less manpower and was easier to manage.

The farm had about 8,000 rock melon plants. The fruits are sold at RM6 per kilogramme to suppliers and walk-in buyers.

Hanifah hoped to share his knowledge in growing rock melons with interested parties as he saw the potential in the demand for this fruit.

"We hope we can offer assistance as a consultant and project manager so farmers can explore rock melon plantations as it has the potential to be an alternative to local fruits." **Bernama**